

Penggunaan Teknik TEPAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran Interaksi Lisan

Tuty Erahayu Abdul Hakim

tuty_erahayu_abdul_hakim@moe.edu.sg

Nur Idayu Yusi


nur_idayu_yusi@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Woodgrove

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti strategi menjana idea yang berkesan digunakan ketika melakukan aktiviti interaksi lisan berdasarkan tema klip video. Kajian kuasi eksperimen ini melibatkan 24 orang murid darjah 5 yang terdiri daripada murid-murid berkeupayaan tinggi dan sederhana. Kajian ini menggunakan teknik TEPAT yang dicipta untuk membimbang murid-murid membina kemahiran menjana idea secara sistematis dengan mencungkil pengetahuan sedia ada. TEPAT adalah akronim untuk TEma, Pelangi (merujuk kepada lapisan masyarakat mengikut teori ekologi Bronfenbrenner) dan pendapAT. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa teknik TEPAT memberi implikasi yang positif terhadap penggunaan strategi komunikasi dalam interaksi lisan yang terancang khususnya apabila melibatkan interaksi yang formal.

Kata Kunci: interaksi lisan, teknik TEPAT, kemahiran bertutur, tema, pendapat




PENGENALAN

Perkembangan teknologi maklumat yang begitu pesat menyebabkan institusi pendidikan terpaksa mengikuti arus penggunaan komputer di semua pusat pengajian bermula dari peringkat rendah hingga ke peringkat yang lebih tinggi. Menurut Cohen dan Coven (2011), kini literasi lebih tertumpu kepada mengetahui cara untuk menggunakan pengetahuan dan kemahiran dalam konteks kehidupan moden. Menurut mereka lagi, murid juga perlu pendedahan dan peluang dalam bidang teknologi dan media. Oleh sebab itulah, pihak Kementerian Pendidikan telah mengintegrasikan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan penilaian. Integrasi ICT dalam PdP seperti penggunaan klip video dapat memberikan pengaruh yang positif khususnya dalam kecekapan berbahasa pelajar (Tomlinson dan Masuhara, 2004). Ini menjadikan pembelajaran lebih autentik dan menarik kerana secara keseluruhan, murid kini lebih cenderung pada penggunaan bahan ICT jika dibandingkan dengan bahan bercetak. Klip video telah menggantikan gambar sebagai bahagian ujian perbualan atau lisan dan semua murid harus dibimbing untuk menyesuaikan diri dengan komponen baharu itu. Bahan visual itu akan cuba ditafsir dan difahami oleh murid yang kemudiannya akan menggunakan maklumat tersebut untuk menyelesaikan masalah secara efektif dan kreatif (Cohen dan Cowen, 2011; Campbell, 2007).

Oleh sebab murid-murid Darjah 5 ini menduduki format peperiksaan lisan yang baharu pada tahun 2017, oleh itu, kita perlu menyediakan teknik yang berkesan untuk menangani perubahan itu. Justeru, Unit Bahasa Melayu Sekolah Rendah Woodgrove telah menghasilkan sebuah teknik yang dipanggil TEPAT. Ia merupakan akronim bagi TEma, Pelangi (menurut teori ekologi Bronfenbrenner yang menyentuh tentang lapisan masyarakat) dan pendapAT. Walaupun teknik perbualan berdasarkan gambar tidak perlu digunakan lagi, kami tetapkekalkan teknik memberi pendapat peribadi pada bahagian pendapAT kerana ia dapat membantu murid-murid mengekalkan interaksi bersama pemeriksa.

PERNYATAAN MASALAH

Penggunaan klip video sebagai sebahagian komponen peperiksaan lisan ialah satu komponen baharu bagi murid Darjah 5 untuk Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE) pada tahun 2017. Walaupun mereka sudah didedahkan kepada komponen berbual berdasarkan klip video itu pada tahun 2016, pengkaji mendapati bahawa mereka masih kurang mampu menjana dan menyampaikan



idea mereka dengan baik dan berkesan. Tambahan pula, penerangan yang disampaikan agak tidak bernalas dan kurang meyakinkan. Murid-murid tidak dapat menggunakan masa yang diperuntukkan untuk menyediakan diri mereka untuk peperiksaan dengan baik. Mereka tidak dapat menjawab soalan-soalan yang bertahap dan soalan sampingan yang diajukan tanpa meminta bantuan guru-guru. Pengkaji juga mendapati bahawa ini ialah satu masalah yang agak penting dihuraikan kerana peperiksaan peringkat nasional akan bermula pada tahun 2017 dan guru-guru tidak mempunyai masa yang lama untuk mempersiapkan murid bagi menduduki peperiksaan tersebut. Sebelum ini, murid sudah terbiasa dengan komponen yang lama iaitu perbualan berdasarkan gambar statik sebagai komponen penilaian lisan. Namun, kini mereka harus mengubah cara lama itu dengan menggunakan klip video sebagai bahan rangsangan untuk menjawab bahagian perbualan. Dengan itu, cara yang lama itu tidak begitu relevan lagi bagi peperiksaan berformat baharu ini.


TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. menguji keberkesanan teknik TEPAT;
2. menyediakan murid untuk peperiksaan lisan yang menggunakan komponen baharu; dan
3. meningkatkan kemahiran interaksi lisan dalam kalangan murid.

KAJIAN LEPAS

Khairunnisa Zulkifli dan Norazela Rosli (2016) dari Sekolah Menengah Woodlands telah membentangkan kajian mereka bertajuk Penggunaan Teknik TEMBAK dalam interaksi lisan bagi perbualan berdasarkan video di Seminar Bahasa Melayu 2016. Kajian ini menggunakan pengajaran sistematik sebagai satu kaedah untuk membantu para pelajar membina kemahiran menjana idea dengan mencungkil pengetahuan sedia ada. Teknik TEMBAK mengajar para pelajar cara-cara yang sistematik yang membolehkan menjana idea-idea secara berkesan dalam peperiksaan lisan yang menggunakan video sebagai bahan rangsangan. Dapatkan kajian mereka juga menunjukkan trend yang positif dan peningkatan selepas menggunakan teknik TEMBAK. Berdasarkan kajian mereka, pihak sekolah kami telah memilih untuk memulakan projek TEPAT untuk membantu murid-murid kami menjana idea-idea secara berkesan dalam peperiksaan lisan yang menggunakan



video sebagai bahan rangsangan. Perkara yang membezakan teknik TEPAT dan teknik TEMBAK adalah kami telah menjana satu teknik yang lebih sesuai untuk memenuhi keperluan murid sekolah rendah.

KAEDAH KAJIAN

Subjek Kajian


Subjek kajian terdiri daripada 24 orang murid Darjah 5 yang terdiri daripada 11 lelaki dan 13 perempuan. Subjek ini dipilih berdasarkan fakta bahawa murid-murid berkenaan memenuhi segala tuntutan, keperluan dan kehendak kajian (Sidek Noah, 2011). Murid-murid ini belum pernah terdedah kepada format peperiksaan lisan baharu iaitu soalan berasaskan rangsangan klip video. Kesemua murid ini daripada kelas yang sama dan mempunyai keupayaan tinggi dan sederhana. Murid-murid ini didedahkan pada teknik TEPAT dalam pengajaran bahan-bahan visual berbentuk klip video. Guru juga memastikan bahawa terdapat ketaksaan dalam kesemua bahan pengajaran dan ujian. Reka bentuk yang digunakan ini dapat menentukan sejauh mana keberkesanan teknik TEPAT untuk mereka dalam praujian dan pascaujian.

Instrumen Kajian

Kajian berbentuk kuasi eksperimen ini dilaksanakan selama tiga kitaran pengajaran mengikut jadual yang telah ditentukan oleh pihak sekolah. Sebelum pengkaji memulakan pengajaran, praujian yang standard selaras dengan peperiksaan PSLE diberikan kepada murid bagi mereka memenuhi jangkaan untuk menjawab soalan berasaskan bahan rangsangan klip video. Selepas praujian dilaksanakan, barulah murid diajar pendekatan teknik TEPAT sebagai usaha intervensi. Setelah melalui sesi intervensi tersebut, murid ini menduduki pascaujian untuk menilai sejauh mana keberkesanan pendekatan teknik TEPAT terhadap kemahiran interaksi lisan berasaskan video sebagai rangsangan. Pendekatan teknik TEPAT adalah pemboleh ubah kajian bebas, manakala pencapaian para murid merupakan pemboleh ubah bersandar kajian ini.

Prosedur Kajian

Dalam kajian ini, instrumen-instrumen yang digunakan untuk mendapatkan data ialah keputusan daripada praujian dan pascaujian, persediaan mengajar dan



bahan-bahan visual. Alat-alat kajian itu akan dihuraikan seperti berikut:

1. Ujian Lisan


Ujian lisan dilaksanakan sebanyak dua kali pada penggal 2, 2016 iaitu praujian dan pascaujian. Soalan-soalan yang digunakan dalam praujian dan pascaujian ini diambil daripada soalan-soalan rangsangan yang diberi oleh pihak Lembaga Peperiksaan dan Penilaian Singapura (SEAB). Dalam sesi praujian, tiga set soalan disediakan dan diberikan kepada murid. Tiga soalan yang dikemukakan adalah seperti berikut:

- a. Bolehkah kamu menceritakan salah satu daripada perbuatan baik yang kamu saksikan dalam video tadi?
- b. Ceritakan salah satu perbuatan baik yang pernah dilakukan oleh seseorang terhadap kamu selain daripada yang terpapar dalam video tadi.
- c. Pada pendapat kamu, haruskah sekolah menganjurkan Minggu Berbudi? Mengapa?

Begitu juga dalam pascaujian, tiga set soalan diberikan kepada murid-murid. Format soalan praujian dan pascaujian adalah sama. Mereka juga diberikan masa selama 10 minit sebagai masa persediaan. Masa yang diperuntukan ini membenarkan mereka untuk menonton klip video itu berkali-kali sebelum berbincang dengan guru pemeriksa. Masa yang diperuntukan itu selaras dengan peruntukan masa bagi kertas 4 Bahasa Melayu, peperiksaan PSLE.

2. Persediaan Mengajar

Setelah keputusan pascaujian dikumpulkan, sebanyak tiga set persediaan mengajar disediakan dalam kajian ini. Dalam pelajaran pertama, murid-murid diajar untuk mengenal tema video yang ditayangkan kerana soalan-soalan yang akan diajukan pemeriksa berkaitan dengan tema video tersebut. Murid-murid diperkenalkan kepada pelbagai tema berdasarkan nilai seperti tolong-menolong, tanggungjawab, kasih sayang dan sebagainya. Semasa menonton video seminit itu, murid diajar untuk mengenal pasti tema video itu. Mereka perlu mendengar dengan teliti pernyataan yang diujarkan oleh narator di dalam klip video tersebut kerana ia mengandungi kata kunci yang dapat memberikan klu berkaitan tema video tersebut.



Bagi pelajaran yang kedua pula, murid-murid diajar untuk menghubungkaitkan apa yang ditonton kepada ranah atau domain yang menunjukkan lapisan-lapisan masyarakat yang diambil daripada teori ekologi Bronfenbrenner (Lihat Rajah 1). Pelangi adalah gelaran bagi lapisan masyarakat itu. Murid-murid dikehendaki menggunakan pengetahuan sedia ada mereka untuk menjawab soalan berkaitan lapisan-lapisan tersebut.

Rajah 1: Teori Ekologi Bronfenbrenner: Lapisan Masyarakat ‘Pelangi’



Bagi pelajaran yang ketiga pula, murid-murid akan diajar untuk menggunakan pendapat peribadi mereka bagi mengolah perkara-perkara yang negatif atau positif yang mereka tonton. Teknik ini sama dengan teknik yang mereka telah pelajari ketika menjawab soalan lisan berdasarkan gambar statik. Para murid juga diajar bagaimana untuk meneka atau mengecam soalan-soalan tambahan yang akan ditanya oleh pemeriksa berdasarkan pendapat mereka.

Setelah ketiga-tiga pelajaran itu dijalankan, murid-murid menduduki peperiksaan ujian lisan sekali lagi. Data yang dikumpulkan daripada praujian dan pascaujian dianalisis untuk mengetahui sama ada teknik TEPAT ini berkesan membantu para murid menjana idea semasa menjawab soalan-soalan berdasarkan klip video sebagai bahan rangsangan. Untuk memastikan kesahan persediaan mengajar ini, persediaan mengajar tersebut telah disemak oleh ketua Unit Bahasa Melayu dan seorang guru Bahasa Melayu di sekolah yang terlibat dalam kajian ini.

3. Bahan Visual

Bahan visual yang digunakan ialah tiga klip video. Dalam setiap pengajaran, satu klip video akan digunakan dan dibincangkan bagi membantu murid menghasilkan dan mengembangkan idea mereka.



DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Oleh sebab kajian ini tertumpu pada proses menjana idea, maka markah komponen menjana idea (30 markah) murid sahaja yang menjadi tumpuan pengkaji. Berikut diuraikan hasil dapatan kajian. Bagi mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan terhadap skor minimum pencapaian murid dalam praujian dan pascaujian penilaian kemahiran lisan berdasarkan klip video sebagai bahan rangsangan, analisis ujian-t dilakukan. Analisis dapatan kajian dinyatakan dalam jadual 1:

Jadual 1: Kelakonan Murid dalam Praujian dan Pascaujian

Kumpulan	Bilangan Murid	Min	Sisihan Piawai (SD)	Perbezaan	Nilai-t
Praujian	24	23.38	1.76	3.05	2.30
Pascaujian	24	26.88	1.85		

Berdasarkan Jadual 1, skor min pencapaian yang diperolehi oleh murid dari segi markah keseluruhan bagi praujian ialah 23.38, sisihan piawaian ialah 1.76. Manakala, bagi pascaujian, skor min pencapaian ialah 26.88 dengan sisihan piawaian 1.85. Perbezaan skor min antara kedua-dua ujian ialah sebanyak 3.05. Nilai-t bagi murid-murid dalam praujian dan pascaujian ialah 2.30, $p < 0.05$. Ini bermakna, murid-murid ini mempunyai tahap pencapaian yang signifikan selepas mereka diajar teknik TEPAT.

KESIMPULAN

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk melihat kesan penggunaan pendekatan teknik TEPAT dalam bahagian menjana idea untuk menjawab soalan-soalan berdasarkan klip video sebagai bahan rangsangan. Kesan penggunaan teknik TEPAT dilihat menerusi perbezaan yang ketara terhadap skor min pencapaian murid dalam praujian dan pascaujian, terutama sekali dari segi markah keseluruhan dan aspek menjana idea. Ini bermakna penggunaan teknik TEPAT dapat meningkatkan keupayaan murid-murid untuk menjana idea secara sistematis. Maka teknik TEPAT dapat membantu murid dalam menjana idea untuk memberikan jawapan yang lebih baik, bernas dan membantu meningkatkan pencapaian murid tersebut.



Guru yang terlibat dalam kajian ini:

1. Nurul Hakimah Abdul Rahim

RUJUKAN

Cohen, V. L. & Cowen, J. E. (2011). *Literacy for children in an information age: Teaching reading, writing and thinking*. Wadsworth. Belmont.

Explorable.com (2015), *Ecological systems theory*. Retrieved March 3, 2016 from <https://explorable.com/ecological-systems-theory>.

Khairunnisa Zulkifli & Norazela Rosli (2016). Penggunaan teknik TEMBAK dalam interaksi lisan. Dalam Prosiding Seminar Bahasa Melayu 2016, Menjana Inovasi, Memarak Inspirasi, hlm. 458. Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura.

Tomlinson, B. and Masuhara, H. (2004) *Developing language course materials*. Singapore: SEAMEO Regional Language Centre.

